

MECD:LPKP/20/S/656/1 JLD/2( )



**KERAJAAN MALAYSIA**



**LPKP**

**PEKELILING LEMBAGA PELESENAN  
KENDERAAN PERDAGANGAN  
BIL. 2 TAHUN 2006**

---

**HAD KADAR TAMBANG BAGI  
PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN AWAM BAS SEKOLAH**

**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN  
SEMENANJUNG MALAYSIA**

TARIKH : 15 Mac 2006

SEMUA PEMILIK LESEN BAS SEKOLAH

SEMUA PERSATUAN PENGUSAHA BAS SEKOLAH

## **HAD KADAR TAMBANG BAGI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN AWAM BAS SEKOLAH**

### **TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan penetapan had kadar tambang baru bagi perkhidmatan pengangkutan bas sekolah di Semenanjung Malaysia.

### **LATAR BELAKANG**

2. Mesyuarat Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Bil. 2/2006 pada 24 Februari 2006 telah meluluskan kadar tambang baru bas sekolah bagi menggantikan kadar tambang lama yang berkuatkuasa sejak 1 Oktober 2001.

### **KADAR TAMBANG**

3. Kadar tambang baru bas sekolah adalah seperti berikut:

3.1 bagi kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan kawasan-kawasan di sekitarnya, Petaling Jaya, Shah Alam, Klang, Ipoh, Seremban, Bandar Melaka, Johor Bahru dan keseluruhan Negeri Pulau Pinang :

	<b>Jarak (KM)</b> <i>(bagi perjalanan pergi dan balik)</i>	<b>Kadar Tambang</b> <i>(Setiap pelajar untuk sebulan atau sebahagian daripadanya)</i>
i.	kilometer pertama atau sebahagian daripadanya.	RM21.10
ii.	setiap kilometer tambahan atau sebahagian daripadanya.	RM 1.55

3.2 Bagi kawasan selain yang dinyatakan dalam perenggan 3.1:

	<b>Jarak (KM)</b> <i>(bagi perjalanan pergi dan balik)</i>	<b>Kadar Tambang</b> <i>(Setiap pelajar untuk sebulan atau sebahagian daripadanya)</i>
i.	kilometer pertama atau sebahagian daripadanya.	RM15.85
ii.	setiap kilometer tambahan atau sebahagian daripadanya.	RM 1.55

#### **SYARAT BARU PELESENAN BAS SEKOLAH**

4. Bagi pemohon lesen baru mesti melesenkan bas sekolah yang berusia tidak melebihi 5 tahun dan had usia bas sekolah ditetapkan tidak melebihi 20 tahun.

5. Syarat baru pelesenan di perenggan 4 diatas tidak terpakai kepada pemilik lesen bas sekolah sedia ada:

- 5.1 apabila membuat permohonan memperbaharui dan ubahsyarat lesen; dan
- 5.2 **KECUALI** apabila membuat permohonan ubahsyarat lesen bagi ganti kenderaan.

6. Usia bas adalah berdasarkan tarikh pendaftaran kenderaan pada kad pendaftaran kenderaan.

7. Permohonan lesen oleh individu atau perkongsian bagi perkhidmatan bas sekolah tidak disyaratkan mempunyai lesen PSV serta boleh memiliki lebih daripada dua (2) lesen.

#### **TARIKH KUAT KUASA**

8. Had kadar tambang baru perkhidmatan pengangkutan bas sekolah di Semenanjung Malaysia berkuatkuasa pada 15 Mac 2006.

9. Syarat-syarat baru pelesenan bas sekolah di perenggan 4 dan 5 berkuatkuasa mulai tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

#### **"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

#### **(ZAINUDDIN BIN AHMAD)**

Setiausaha  
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan  
Semenanjung Malaysia

**15 Mac 2006**

**s.k.**

Pengarah,  
Bahagian Sekolah,  
Kementerian Pelajaran Malaysia,  
Aras 3 & 4, Blok E2, Parcel E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
**62604 PUTRAJAYA.**

Ketua Pengarah,  
Jabatan Pengangkutan Jalan,  
Bahagian Penguatkuasa,  
Aras 1, Blok D,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
**62505 PUTRAJAYA**

Ketua Polis Negara,  
Polis Diraja Malaysia,  
Bahagian Trafik,  
Ibu Pejabat Polis Bukit Aman,  
**50560 KUALA LUMPUR**

Ketua Pegawai Eksekutif,  
Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer,  
PUSPAKOM Sdn Bhd,  
No. 553A-E, Tingkat 3 & 4,  
Batu 3½, Jalan Ipoh,  
**51200 KUALA LUMPUR**

**Edaran Dalamam:**

YB. Pengerusi LPKP

TKSU (P)

KPSU (LPKP) Ibu Pejabat

KPSU (LPKP) Wilayah Utara

KPSU (LPKP) Wilayah Selatan

KPSU (LPKP) Wilayah Timur

KPSU (LPKP) Wilayah Tengah